

# Pameran potret Dr Mahathir di Galeri Adiwarna USM

GEORGETOWN: Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid semalam merasmikan pameran potret bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Galeri Adiwarna, Pusat Pengajian Seni USM di sini.

Kemuncak perasmian itu ialah pembukaan tirai potret terbaru Dr Mahathir berpakaian jubah yang dihasilkan pensyarah Bahagian Seni Lukis di Pusat Pengajian Seni USM, Prof Dr Mohammad Ali Bhatti menggunakan cat minyak di atas kanvas berukuran 1 x 1.3 meter.

Pameran sempena Konvokesyen USM itu menampilkan 50 potret Dr Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Pameran julung kali itu mengumpulkan semula seni catan potret bekas Perdana Menteri yang dihasilkan dan dihadiahkan orang perseorangan, agensi dan institusi dari pelbagai negara sebagai tanda penghargaan terhadap beliau.

Ia juga memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat lebih dekat bagaimana ketokohan Dr Mahathir digambarkan menerusi kaca mata pelukis dari pelbagai latar belakang.

Kurator pameran, Dr Zakaria Ali, berkata pameran itu turut meninjau penghayatan dan penafsiran yang berbeza terhadap ketokohan Dr Mahathir dan memberi peluang kepada pengunjung melihat bagaimana ketokohan itu diterjemah menerusi pemilihan gaya, teknik, bahan dan gaya persembahan yang berbeza.

Pada majlis berasingan, Raja Permaisuri Agong melancarkan buku *Mahathir on Science and Technology* terbitan USM ketika menghadiri majlis santapan tengah hari di Hotel Equatorial di sini.

Buku setebal 180 muka surat itu memuatkan koleksi ucapan Dr Mahathir berkaitan sains dan teknologi.

Pada majlis sama, USM turut menghadiahkan kek dan gurindam sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains pada majlis konvokesyen ke-33 universiti itu kepada bekas Perdana Menteri.

Pada sebelah petangnya, Tuanku Fauziah turut merasmikan ekspo konvokesyen dan hari terbuka di Dewan Budaya USM.